



MAMOGGRAM
PENGESANAN AWAL MENYELAMAT NYAWA

Pengenalan

Program Subsidi Ujian Mamogram telah dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui agensi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) sejak Mei 2007 dengan menggunakan peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan pada pembentangan Dasar Bajet tahunan.

Tujuan pemberian subsidi ini adalah untuk menggalakkan wanita dalam kategori layak melakukan ujian mamogram bagi pengesanan awal kanser payudara.

Pemberian subsidi penuh (PERCUMA) bagi wanita berpendapatan isi rumah RM10,000.00 dan ke bawah manakala pemberian subsidi RM50.00 kepada wanita berpendapatan isi rumah melebihi RM10,000.00 dan ke atas bagi setiap ujian mamogram yang dijalankan di pusat-pusat mamogram di bawah lantikan LPPKN.

Siapa Yang Layak Mendapat Subsidi?

1) Wanita yang layak mendapat subsidi ini adalah warganegara Malaysia atau penduduk tetap yang berumur 40 - 70 tahun dan menepati kriteria berikut iaitu:

- mempunyai risiko tinggi untuk mendapat kanser payudara; atau
- wanita yang dirujuk untuk ujian diagnostik mamogram; atau
- ujian mamogram saringan sebelum memulakan Terapi Hormon Gantian; atau
- ujian mamogram ulangan bagi program subsidi.

2) Wanita berumur 35-39 tahun warganegara Malaysia atau penduduk tetap yang mempunyai sejarah keluarga mendapat kanser payudara pada usia kurang dari 40 tahun juga layak mendapat subsidi untuk menjalani ujian mamogram dengan rujukan Pegawai Perubatan.

Kriteria Bagi Wanita Berisiko Tinggi



Bagaimana untuk menyertai program ini

Wanita yang berminat boleh memohon melalui klinik NurSejahtera LPPKN di seluruh negara. Pemohon yang layak akan menjalani pemeriksaan payudara di klinik NurSejahtera LPPKN terlebih dahulu sebelum dirujuk untuk menjalani ujian mamogram di Panel Pusat Mamogram yang berdaftar.

Kekerapan Ujian

1 tahun sekali atau setiap 2 tahun sekali dalam kategori layak dan atas nasihat doktor.

Pusat-pusat Mamogram yang Layak

Sila rujuk kepada mana-mana klinik NurSejahtera LPPKN yang berhampiran untuk mendapatkan senarai pusat-pusat mamogram swasta yang menyertai Program Subsidi Ujian Mamogram ini.

Wanita boleh memilih sendiri pusat-pusat mamogram tersebut mengikut kesesuaian.